

TATACARA PENGENDALIAN **KAUNSELING** **GAY DAN LESBIAN**

Buku pengendalian kaunseling gay dan lesbian ini terhasil daripada kajian tentang penerokaan kompetensi kaunselor dalam pengendalian klien gay dan lesbian di Malaysia. Buku ini memberi gambaran tentang amalan kaunseling dalam pengendalian klien gay dan lesbian bagi membentuk satu garis panduan kepada kaunselor untuk menjalankan sesi kaunseling dengan kompeten dan berkesan. Kompetensi kaunseling gay dan lesbian ini perlu diberikan penekanan dalam amalan kaunseling di Malaysia. Kaunselor wajar bersikap terbuka terhadap identiti klien kerana ia merupakan tanggungjawab kaunselor yang sentiasa menekankan penerimaan tanpa syarat kepada sesiapa pun klien yang hadir untuk menjalankan sesi kaunseling. Secara ringkasnya, buku ini telah menjelaskan kaunseling gay dan lesbian merangkumi lima kompetensi utama, iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap, kesungguhan dan nilai. Kompetensi gay dan lesbian ini juga merupakan tambah nilai daripada kaunseling silang budaya yang menekankan tiga domain iaitu pengetahuan, sikap dan kesedaran. Ia juga berdasarkan ciri-ciri kaunselor yang berkesan seperti empati dan ketulenan ketika menjalankan sesi kaunseling bersama klien gay dan lesbian.

SITI HAJAR JAMAL, PhD, merupakan Pensyarah di Universiti Kuala Lumpur, Bussiness School (UniKL). Beliau juga seorang kaunselor berdaftar serta salah seorang ahli Lembaga Kaunselor Malaysia. Beliau aktif dalam penyelidikan dan aktiviti khidmat masyarakat yang memberi tumpuan kepada isu LGBT dan emosi masyarakat. SALLEH AMAT, PhD, Prof. Madya dan Pengerusi Pusat Kepelbagaian Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau berkepakaran dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling. Beliau juga seorang kaunselor berdaftar serta salah seorang ahli Lembaga Kaunselor Malaysia. NASRUDIN SUBHI, PhD/KB.PA, Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di samping menyandang jawatan sebagai Ketua Pusat Pemerkasaan Remaja, UKM yang bertanggungjawab menyelenggara program GENIUS Remaja. Beliau juga seorang kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia. Beliau banyak terlibat dengan penyelidikan rentas bidang. Antara tujuh bidang penyelidikan beliau kini termasuk isu kaunseling, psikologi, LGBT, pemerkasaan remaja dan Orang Asli.



<http://ukmpress.ukm.my>



TATACARA PENGENDALIAN **KAUNSELING** GAY DAN LESBIAN

SITI HAJAR JAMAL
SALLEH AMAT
NASRUDIN SUBHI

PENERBIT
UKM
PRESS

TATACARA PENGENDALIAN **KAUNSELING** GAY DAN LESBIAN

SITI HAJAR JAMAL
SALLEH AMAT
NASRUDIN SUBHI

